




UNIT INTEGRITI DAN OMBUDSMAN NEGERI
JABATAN KETUA MENTERI
ARAS 2, BANGUNAN DUN (LAMA)
PETRA JAYA
93502 KUCHING, SARAWAK



DARIPADA : Setiausaha Kerajaan, Sarawak KEPADA : Semua Setiausaha Tetap Kementerian
Semua Ketua Jabatan Negeri
Semua Residen Bahagian

SALINAN :
KEPADA :

RUJUKAN : JKM/UNION/100-1/1/5(01) TARIKH : 29 April 2019

PEKELILING INTEGRITI NEGERI SARAWAK
BILANGAN 1 TAHUN 2019

ARAHAN YAB PERDANA MENTERI NO. 1 TAHUN 2018 DAN
PENUBUHAN SERTA TERMA RUJUKAN JAWATANKUASA ANTI-RASUAH
KEMENTERIAN, BAHAGIAN DAN JABATAN DI NEGERI SARAWAK

1. TUJUAN

Pekeliling Perjawatan ini bertujuan untuk:

- 1.1 memaklumkan bahawa Kerajaan Negeri telah menerima pakai Arahan YAB Perdana Menteri No. 1 Tahun 2018 - Pemantapan Governans, Integriti dan Anti-Rasuah Dalam Pengurusan Pentadbiran Kerajaan Malaysia: Mekanisme Pengurusan Governans, Integriti dan Anti-Rasuah Kebangsaan;
- 1.2 memaklumkan keputusan Kerajaan Negeri untuk menubuhkan Jawatankuasa Anti-Rasuah Peringkat Kementerian (JAR-KEMENTERIAN), Bahagian (JAR-

Handwritten signatures and initials: J9/b, PR, ADM, Admadina, K2, 7/6

31 MAY 2019

BAHAGIAN) dan Jabatan (JAR-JABATAN) di Negeri Sarawak;

1.3 menerangkan secara terperinci mengenai terma rujukan bagi Jawatankuasa-jawatankuasa Anti-Rasuah tersebut yang merangkumi perkara seperti berikut:

- a. Keanggotaan;
- b. Peranan dan tanggungjawab;
- c. Pelaporan Isu;
- d. Jadual Mesyuarat; dan
- e. Format Laporan

2. LATAR BELAKANG

2.1 Pada tahun 1988, Gerakan Pemantapan Keutuhan Sistem Pengurusan Pentadbiran Kerajaan telah diperkenalkan dengan penubuhan beberapa jawatankuasa di pelbagai peringkat termasuk Jawatankuasa Kabinet. Beberapa Arahan YAB Perdana Menteri telah dikeluarkan sebagai panduan dan sokongan usaha pemantapan tersebut.

2.2 Antaranya ialah, Arahan YAB Perdana Menteri No. 1 Tahun 2014 - Gerakan Pemantapan Keutuhan Sistem Pengurusan Pentadbiran Kerajaan Malaysia: Penubuhan Jawatankuasa Integriti Dan Tadbir Urus telah dikeluarkan. Arahan ini telah berkuatkuasa sehingga 31 Disember 2018 dan telah diterima pakai oleh Kerajaan Negeri Sarawak berkuatkuasa mulai 16 Januari 2015.

2.3 Walau bagaimanapun, Arahan YAB Perdana Menteri No. 1 Tahun 2018 Pemantapan Governans, Integriti Dan Anti-Rasuah Dalam Pengurusan Pentadbiran Kerajaan Malaysia: Mekanisme Pengurusan Governans, Integriti Dan

Anti-Rasuah Kebangsaan telah ditandatangani oleh YAB Perdana pada 5 Oktober 2018. Dengan adanya Arahan terbaharu ini, ianya membatalkan semua tindakan yang dilaksanakan melalui Arahan YAB Perdana Menteri No. 1 Tahun 2014.

2.4 Meskipun begitu, siri Arahan seperti berikut masih berkuatkuasa:

- (a) Siri 2 No. 1 Tahun 2000 bertarikh 20 April 2000 - Garis Panduan Pelaksanaan dan Mekanisme Sistem Penyeliaan dan Program Nilai Murni;
- (b) Siri 3 No. 2 Tahun 2000 bertarikh 15 Ogos 2000 - Tindakan Susulan yang perlu diambil oleh YB Menteri terhadap keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Khas Kabinet Mengenai Keutuhan Pengurusan Kerajaan yang telah dipersetujui oleh Mesyuarat Jemaah Menteri;
- (c) Siri 4 No. 3 Tahun 2000 bertarikh 15 Ogos 2000 - Tindakan susulan yang perlu diambil oleh YB Menteri terhadap keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Khas Kabinet Mengenai Keutuhan Pengurusan Kerajaan yang telah dipersetujui oleh Mesyuarat Jemaah Menteri;
- (d) Siri 5 No. 4 Tahun 2000 bertarikh 15 Ogos 2000 -Tindakan susulan yang perlu diambil oleh YB Menteri terhadap keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Khas Kabinet Mengenai Keutuhan Pengurusan Kerajaan Siri 35 Bil. 3 Tahun 2000 yang telah dipersetujui oleh Mesyuarat Jemaah Menteri;

- (e) Siri 6 No. 1 Tahun 2001 bertarikh 10 Ogos 2001 - Tindakan susulan yang perlu diambil oleh YB Menteri terhadap keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Khas Kabinet Mengenai Keutuhan Pengurusan Kerajaan Suku Tahun Keempat 2000 dan Suku Tahun Pertama 2001 yang telah dipersetujui oleh Mesyuarat Jemaah Menteri;
- (f) Siri 7 No. 1 Tahun 2007 bertarikh 6 Februari 2007 - Pelaksanaan Sistem Pengurusan Audit Nilai Dalam Perkhidmatan Awam di Agensi Kerajaan;
- (g) Siri 1 No. 1 Tahun 2011 bertarikh 28 Februari 2011 - Pelaksanaan Program Pegawai Integriti Bertauliah.

2.5 Dengan terbatalnya Arahan YAB Perdana Menteri No. 1 Tahun 2014, maka Jawatankuasa Integriti dan Tadbir Urus (JITU) yang telah ditubuh berdasarkan Arahan tersebut juga turut dimansuhkan dan diganti dengan Jawatankuasa Khas Kabinet mengenai Anti-Rasuah (JKKMAR) dan jawatankuasa Anti-Rasuah (JAR).

2.6 Visi gerakan pemantapan governans, integriti dan antirasuah ialah untuk menjadikan Malaysia sebuah Negara yang memartabatkan governans, integriti dan antirasuah di mata dunia. Ini dapat dicapai melalui misi "meningkatkan kecekapan dan ketelusan pengurusan kerajaan berteraskan prinsip governans, integriti dan antirasuah". Bagi menggerakkan usaha ini, dua jawatankuasa utama telah ditubuhkan iaitu:

- (a) Jawatankuasa Khas Kabinet Mengenai Anti-Rasuah (JKKMAR); dan

(b) Jawatankuasa Anti-Rasuah (JAR)

2.7 Menurut Arahan YAB Perdana Menteri No. 1 Tahun 2018, terdapat empat (4) peringkat Jawatankuasa Anti-Rasuah (JAR) iaitu:

(a) JAR Peringkat Kebangsaan;

(b) JAR Peringkat Kementerian Persekutuan;

(c) JAR Peringkat Jabatan/Agensi Persekutuan Peringkat Persekutuan;

(d) JAR Peringkat Jabatan/Agensi Persekutuan di Negeri; dan

(e) JAR Peringkat Kerajaan Negeri

2.8 Dalam pada itu, sebagai komitmen serta sokongan padu terhadap usaha meningkatkan/membudayakan integriti serta membanteras rasuah di semua peringkat, sebagai tambahan Kerajaan Negeri telah membuat keputusan untuk menubuhkan Jawatankuasa Anti-Rasuah seperti berikut:

(a) Jawatankuasa Anti-Rasuah Peringkat Kementerian, Sarawak;

(b) Jawatankuasa Anti-Rasuah Peringkat Bahagian, Sarawak; dan

(c) Jawatankuasa Anti-Rasuah Peringkat Jabatan, Sarawak.

3. SKOP

Garis panduan ini hanya digunapakai untuk tiga (3) JAR yang ditubuhkan oleh Kerajaan Negeri Sarawak seperti di Perenggan 2.8 (a), (b) dan (c) seperti di atas iaitu JAR-KEMENTERIAN, JAR-BAHAGIAN dan JAR-JABATAN Negeri Sarawak.

4. TERMA RUJUKAN JAWATANKUASA ANTI-RASUAH
KEMENTERIAN, BAHAGIAN DAN JABATAN NEGERI

4.1 Terma rujukan bagi JKKMAR, JAR Peringkat Kebangsaan, JAR Peringkat Kementerian Persekutuan, JAR Peringkat Jabatan/Agensi Persekutuan Peringkat Negeri dan JAR Peringkat Negeri adalah seperti dinyatakan di dalam Arahan YAB Perdana Menteri No. 1 Tahun 2018 - Pemantapan Governans, Integriti dan Anti-Rasuah Dalam Pengurusan Pentadbiran Kerajaan Malaysia: Mekanisme Pengurusan Governans, Integriti dan Anti-Rasuah Kebangsaan.

4.2 Terma rujukan bagi JAR Kementerian, JAR Bahagian dan JAR Jabatan, Sarawak adalah berdasarkan kepada empat (4) terma rujukan Perenggan 4, Arahan YAB Perdana Menteri No. 1 Tahun 2018 yang merangkumi perkara seperti berikut:

- (a) Dasar, Perundangan dan Peraturan;
- (b) Sistem dan Prosedur Kerja;
- (c) Pengukuhan Governans dan Integriti; dan
- (d) Pengesanan, Pematuhan, Punitif dan Pemulihan

5. STRUKTUR DAN MEKANISME

5.1 Bagi membantu struktur dan mekanisme pelaksanaan Pemantapan Governans, Integriti dan Anti-Rasuah dalam Pengurusan pentadbiran Kerajaan di semua peringkat, Kerajaan Negeri telah menubuhkan JAR Kementerian, Bahagian dan Jabatan Negeri. Oleh sebab itu, semua Setiausaha Tetap, Residen Bahagian dan Ketua-Ketua Jabatan seperti di **Lampiran I** hendaklah menubuhkan Jawatankuasa Anti-Rasuah masing-masing.

5.2 Ketiga-tiga jawatankuasa tersebut akan melapor terus isu JAR kepada urusetia JAR-SARAWAK untuk dibentangkan semasa mesyuarat JAR-SARAWAK. Isu hendaklah dikemukakan mengikut format yang telah ditetapkan seperti di **Lampiran II**.

6. KEANGGOTAAN

Keahlian JAR peringkat Kementerian, Jabatan dan Bahagian (sila rujuk **Lampiran III**) akan ditentukan oleh Pengerusi JAR masing-masing berdasarkan panduan seperti berikut.

6.1 JAR PERINGKAT KEMENTERIAN

6.1.1 Setiausaha Tetap Kementerian dilantik sebagai pengerusi JAR di peringkat Kementerian masing-masing. Keahliannya terdiri daripada Ketua-Ketua Jabatan/Badan-Badan Berkanun Negeri dibawah tanggungjawab atau penyeliaan Kementerian berkenaan.

6.1.2 Ketua Unit Integriti/Pegawai Integriti Bertauliah di Kementerian berkenaan adalah setiausaha kepada JAR-Kementerian.

6.1.3 Walau bagaimanapun, bagi Jabatan yang disenaraikan seperti di **Lampiran IV** tidak perlu menjadi ahli dalam mana-mana JAR peringkat Kementerian.

6.1.4 Mesyuarat JAR peringkat Kementerian hendaklah dipengerusikan sendiri oleh Setiausaha Tetap Kementerian.

6.2 JAR PERINGKAT BAHAGIAN

6.2.1 Residen Bahagian akan mempengerusikan JAR-BAHAGIAN. Ianya akan dianggotai oleh Pegawai-pegawai Daerah, pegawai tadbir Daerah Kecil di bawah pentadbiran Bahagian masing-masing atau pegawai-pegawai lain yang difikirkan perlu oleh Pengerusi JAR-BAHAGIAN.

6.2.2 Manakala, setiausaha JAR-BAHAGIAN ialah Pegawai Integriti Bertauliah (CeIO) atau pegawai yang bertanggungjawab mengenai integriti di pejabat Residen.

6.2.3 Mesyuarat JAR peringkat Bahagian hendaklah dipengerusikan sendiri oleh Residen Bahagian.

6.3 JAR PERINGKAT JABATAN NEGERI

6.3.1 Pengarah Jabatan telah dilantik sebagai pengerusi JAR-JABATAN. Manakala pegawai-pegawai kanan iaitu Ketua Unit / Bahagian / Seksyen / Sektor dan Ketua Jabatan di peringkat Wilayah / Bahagian seperti Penguasa Bahagian, Jurutera Wilayah / Bahagian, Pegawai Pertanian Wilayah / Bahagian dilantik untuk menganggotai JAR-JABATAN.

6.3.2 Setiausaha bagi JAR-BAHAGIAN ialah Ketua Unit Integriti Jabatan / Pegawai Integriti Bertauliah (CeIO) di jabatan berkenaan.

6.3.3 Mesyuarat JAR peringkat Jabatan hendaklah dipengerusikan sendiri oleh Pengarah Jabatan.

7. PERANAN DAN TANGGUNGJAWAB

7.1 Tanggungjawab Jawatankuasa Anti-Rasuah adalah seperti berikut:

- (a) Mengenalpasti isu, masalah dan langkah-langkah penambahbaikan berdasarkan empat (4) terma rujukan yang telah ditetapkan; dan
- (b) Mencadangkan langkah-langkah penyelesaian dan cadangan penambahbaikan kepada JAR Peringkat Negeri yang dipengerusikan oleh Setiausaha Kerajaan Negeri.

8. PELAPORAN ISU

8.1 Jawatankuasa Anti-Rasuah hendaklah memfokuskan perbincangan serta melaporkan isu yang berkaitan dengan rasuah sahaja sama ada ia benar-benar telah berlaku atau kemungkinan boleh berlaku disebabkan polisi yang kurang kemas, prosedur yang longgar, pemantauan yang kurang berkesan dan governans.

8.2 Isu yang telah dikenalpasti hendaklah dikemukakan ke alamat seperti berikut:

URUSETIA JAR-SARAWAK

Unit Integriti dan Ombudsman Negeri,
Aras 2, Bangunan DUN (Lama),
93050 Petra Jaya,
Kuching.

8.3 Isu yang dikemukakan akan diteliti oleh barisan panel isu JAR yang akan dipengerusikan oleh Pegawai Unit Integriti dan Ombudsman Negeri dan dianggotai oleh Pegawai SPRM Sarawak dan pegawai-pegawai lain yang difikirkan sesuai oleh Pengerusi Panel

sebelum dibentangkan dalam mesyuarat JAR-SARAWAK.

9. JADUAL MESYUARAT

9.1 Mesyuarat JAR hendaklah diadakan sekurang-kurangnya tiga (3) kali setahun. Mesyuarat tersebut antara lain adalah bertujuan untuk memberi masa yang mencukupi bagi semua JAR untuk mengemukakan laporan berkualiti dan menepati tujuan dan objektif penubuhannya kepada Urus setia JAR-SARAWAK dua (2) minggu sebelum mesyuarat JAR-SARAWAK.

9.2 Mesyuarat JAR-SARAWAK akan diadakan pada bulan Januari, Mei dan September setiap tahun. Ianya bertujuan untuk membincangkan isu-isu yang telah dikemukakan oleh JAR-KEMENTERIAN, JAR-BAHAGIAN dan JAR-JABATAN sebelum dikemukakan kepada Urus setia JAR-KEBANGSAAN (SPRM) pada minggu kedua bulan Januari, Mei dan September.

9.3 Oleh itu, JAR-KEMENTERIAN, JAR-BAHAGIAN dan JAR-JABATAN hendaklah bermesyuarat pada bulan April, Ogos dan Disember bagi membolehkan isu JAR masing-masing dapat dikemukakan kepada Urus setia dua minggu sebelum mesyuarat JAR-SARAWAK.

10. FORMAT ISU

Format pelaporan isu JAR adalah sama sebagaimana yang dilampirkan bersama Arahan YAB Perdana Menteri No. 1 Tahun 2018. Walau bagaimanapun, bagi memastikan isu yang dikemukakan mempunyai kaitan langsung dengan isu rasuah, semua JAR dikehendaki untuk membuat analisis serta memberi deskripsi ringkas mengenai kaitan isu tersebut dengan rasuah.

11. PEMANSUHAN

Dengan penguatkuasaan Surat Pekeliling ini, Pekeliling Perjawatan Negeri Sarawak Biangan 13 Tahun 2015: Arahan YAB Perdana Menteri No. 1 Tahun 2014 ruj. : (4)/JKM/UPSM/S8/S/100-8/1/1 Jld. 2 bertarikh 22 Jun 2015 adalah dengan ini dimansuhkan..

12. TARIKH KUATKUASA


Surat Pekeliling ini berkuatkuasa mulai **1 Januari 2019.**

13. PENUTUP

13.1 Jawatankuasa Anti-Rasuah merupakan inisiatif Kerajaan dalam memartabatkan imej negeri dan Negara supaya warga Malaysia dikenali dengan nilai integritinya yang tinggi bukan sebaliknya.

13.2 Dengan penguatkuasaan Surat Pekeliling ini, Jawatankuasa Kerja kepada Integriti dan Tadbir Urus Kerajaan (JITUKN), Jawatankuasa kerja Integriti dan Tadbir Urus Kerajaan Negeri (JkJITUKN), JITU Kementerian, JITU Jabatan/Badan-Badan Berkanun dan JITU Residen adalah dimansuhkan.

'BERSATU BERUSAHA BERBAKTI'
'AN HONOUR TO SERVE'




(TAN SRI DATUK AMAR HAJI MOHAMAD MORSHIDI BIN ABDUL GHANI)
Setiausaha Kerajaan,
Sarawak

STRUKTUR ALIRAN PELAKSANA JAWATANKUASA
KHAS KABINET MENGENAI ANTI-RASUAH (JKKMAR) DAN
JAWATANKUASA ANTI RASUAH (JAR)

JAWATANKUASA KHAS
KABINET MENGENAI ANTI-
RASUAH (JKKMAR)
PENGERUSI : YAB PM
URUS SETIA : GIACC/SPRM

JAWATANKUASA ANTI-RASUAH
PERINGKAT KEBANGSAAN
(JAR)
PENGERUSI YBHG KSN
URUS SETIA : SPRM

JAR PERINGKAT KERAJAAN
NEGERI
(SARAWAK)
PENGERUSI : YB SUK
URUS SETIA : UNIT INTEGRITI



JAR KEMENTERIAN
(PENGERUSI : SETIAUSAHA TETAP)

1. MANRED
2. MUDERN
3. MITEC
4. MESTR
5. MLGH
6. MTACYS
7. MIDT
8. UTILITI
9. MIED
10. KWPKK

Urus setia : Unit Integriti

JAR JABATAN
(PENGERUSI: PENGARAH JABATAN)

1. SAG
2. SFS
3. DOA
4. L&S
5. JHS
6. DID
7. JKR
8. JBALB
9. JAIS
10. JKM
11. TRY

Urus setia : Unit Integriti

JAR BAHAGIAN
(PENGERUSI: RESIDEN BAHAGIAN)

1. Kuching
2. Sri Aman
3. Sibu
4. Miri
5. Limbang
6. Sarikei
7. Kapit
8. Bintulu
9. Samarahan
10. Mukah
11. Betong
12. Serian

Urus setia : Unit Integriti


Borang Pelaporan JAR

A. Laporkan mengikut pecahan 4 terma rujukan JAR mengikut format di bawah:

1. Dasar, Perundangan dan Peraturan
2. Sistem dan Prosedur Kerja
3. Pengukuhan Governans dan integriti
4. Pengesanan, Pematuhan, Punitif dan Pemulihan

ISU	PUNCA ISU	KESAN ISU	PIHAK LAIN YANG TERLIBAT	USAHA-USAHA PENYELESAIAN DAN STATUS KEMAJUAN
				Usaha-usaha penyelesaian: Status kemajuan:

Struktur JAR-SARAWAK



Nota: Keanggotaan tambahan boleh dilantik oleh Pengerusi JAR masing-masing jika difikirkan perlu.

Jabatan

- 1 Pejabat Peguam Besar Negeri (SAG)
- 2 Pejabat Setiausaha Kewangan Negeri (SFS)
- 3 Jabatan Pertanian Sarawak (DOA)
- 4 Jabatan Tanah dan Survei Sarawak (L&S)
- 5 Jabatan Hutan Sarawak (JHS)
- 6 Jabatan Pengairan dan Saliran Sarawak (DID)
- 7 Jabatan Kerja Raya Sarawak (JKR)
- 8 Jabatan Bekalan Air Luar Bandar Sarawak (JBALB)
- 9 Jabatan Agama Islam Sarawak (JAIS)
- 10 Jabatan Kebajikan Masyarakat Sarawak (JKM)
- 11 Jabatan Perbendaharaan Sarawak (TRY)

